



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

TIGA GRADUAN CEMERLANG TEMPATAN TERIMA ANUGERAH PINGAT TUNKU

KUALA LUMPUR: 9 November 2023 – Seramai tiga (3) orang graduan daripada Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) tempatan telah menerima Anugerah Pingat Tunku, iaitu **anugerah berprestij dalam memartabatkan kecemerlangan pendidikan tinggi negara**. Majlis penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di sini, hari ini.

Tiga (3) orang pelajar tersebut ialah saudari Durra Nur Nazeera binti Roslaili graduan jurusan Kewangan dan Ekonomi daripada Universiti Islam Antarabangsa (UIA), saudara Ng Yong Ming, graduan jurusan Kejuruteraan Perisian daripada Universiti Malaya (UM) dan saudara Razman Durhan graduan jurusan Matematik dan Ekonomi daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Ketiga-tiga pemenang anugerah ini telah berjaya memberi **impak positif kepada komuniti daripada sudut kesukarelawanan, perancangan ekonomi, teknologi dan pembelaan hak serta suara siswa**. Pencapaian tersebut telah melayakkan mereka sebagai penerima anugerah pada tahun ini.

Anugerah Pingat Tunku telah diperkenalkan sejak tahun 1979 dan ditawarkan kepada graduan Ijazah Sarjana Muda cemerlang IPTA yang bergraduasi dengan Kepujian Kelas Pertama. Selain itu, anugerah ini juga diberikan kepada graduan yang menunjukkan ciri-ciri kepimpinan dan nilai-nilai murni Bapa Kemerdekaan, Almarhum Tunku Abdul Rahman. Anugerah ini dilihat bukan sahaja **mengiktiraf pencapaian para pelajar tetapi juga membawa harapan dan keyakinan Tunku untuk menjadikan wawasan beliau menjadi realiti untuk masa depan negara Malaysia**.

YB Datuk Aaron berkata, 'YTAR telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memberikan akses kepada pelajar dalam pemeraksanaan pendidikan tinggi negara antaranya melalui

'Closing The Gap' iaitu sebuah program bimbingan akses pendidikan tinggi untuk pelajar sekolah menengah'. Oleh itu, **kesemua penerima Anugerah Piala Tunku kini diiktiraf sebagai mentor perdana bagi program ini.**

Tambah beliau lagi, Kementerian Perpaduan Negara telah menyediakan pelbagai platform kepada beliau untuk turut serta dalam menjayakan agenda perpaduan negara melalui **Kelab Rukun Negara, Sekretariat Rukun Negara, Yayasan Sukarelawan Siswa dan Jiran Muda KRT.**

Sementara itu, YBhg. Datin Sri Sharifah Menyalara Hussein, cucu kepada Almarhum Tunku Abdul Rahman merangkap Ahli Lembaga Yayasan berkata: "Penglibatan dalam penilaian Pingat Tunku merupakan proses yang saya hargai, Ia membolehkan saya mengkaji legasi, kejayaan, kegagalan, dan impian generasi muda kita ketika mereka berusaha membentuk masa depan yang lebih baik untuk diri mereka sendiri, komuniti mereka, dan negara kita, Malaysia. Anugerah ini, melangkaui pengiktirafan, berfungsi sebagai pemacu, menggerakkan graduan ini untuk mencapai impak melalui inisiatif mereka."

Pemenang Anugerah Pingat Tunku (Emas) menerima wang tunai dan geran bernilai RM20 ribu manakala pemenang Pingat Tunku (Perak dan Gangsa) masing-masing menerima wang tunai dan geran berjumlah RM14 ribu dan RM10 ribu.

Kementerian Perpaduan Negara
9 November 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh: Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my
No rujukan: KPN.UKK.100-15/5/4 Jld 2 (20)